

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL.2 TAHUN 1983

PERMOHONAN UKUR BAGI TANAH-TANAH YANG TELAH DIISTIHAR SEBAGAI HAK LALU LALANG DAN JALAN KECIL BILA DISERAH BALIK MENGIKUT SEKSYEN 200

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pemungut Hasil Tanah tentang perlunya disedia Permohonan Ukur (R/S) bila satu-satu tanah itu telah diisythar sebagai hak lalu lalang mengikut Seksyen 388 atau diserah balik mengikut Seksyen 200.

2. Mengikut Pekeliling KPTG Bil.19/76 bila satu-satu tanah itu dipecah sempadan satu bentuk jalan perlu diwujudkan mengikut Seksyen 136 (1)(h) dan 136 (2) daripada jalan besar menuju ke tiap-tiap lot pecahan itu. Jalan keluar masuk ini lazimnya diselenggarakan bagaimana berikut :-

- a) Dengan cara mengadakan hak lalu lalang mengikut Seksyen 390 Kanun Tanah Negara.
- b) Dengan cara menyerahkan sebahagian daripada tanah milik untuk dijadikan jalan persendirian mengikut Seksyen 200 Kanun Tanah Negara.

Cara-cara tindakan untuk mewujudkan jalan tersebut telah diterangkan di dalam Pekeliling KPTG. Bil. 19/76 Perenggan 4 dan 5.

3. Adalah diperhatikan daripada fail-fail yang diterima daripada Pejabat Tanah bahawa tindakan untuk (a) dan (b) di atas hanya tamat setakat :-
 - (a) Pendaftaran Borang 28B mengikut Seksyen 391 (3),
 - (b) Pendaftaran Borang 12B mengikut Seksyen 201(4) (c).
4. Tindakan susulan yang patut dijalankan di dalam dua masalah ini adalah bagaimana berikut :-
 - (a) Tindakan Untuk Perkara 3(a)
 - (i) Menanda di atas pelan standard sheet tentang wujudnya hak lalu lalang.
 - (ii) Meminta harga upah ukur daripada pemohon.
 - (iii) Menyedia Permohonan Ukur mengikut Seksyen 391(1) (a).
 - (iv) Menghantar Permohonan Ukur.
 - (v) Menunggu arahan selanjutnya daripada Jabatan Ukur sama ada upah ukur yang telah dipungut itu mencukupinya.

(b) Tindakan Untuk Perkara 3(b)

- (i) Setelah mendaftar Borang 12B kawasan yang diserah itu hendaklah ditanda di atas pelan standard sheet.
- (ii) Memindakan hasil di dalam R.D.T dan rent roll (sekiranya perlu).
- (iii) Meminta harga upah ukur daripada pemohon atau pihak yang akan menggunakan jalan tersebut.
- (iv) Menyedia permohonan ukur mengikut Seksyen 202(3).
- (v) Menghantar Permohonan Ukur.
- (vi) Menunggu arahan selanjutnya daripada Jabatan Ukur sama ada upah ukur yang dipungut itu telah mencukupi.

t.t

(Md. Hussin Bin Hassan),
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KOTA BHARU : 15HB. MAC, 1983.

KEPADAA :

Semua Pemungut Hasil Tanah,
dan PPHT. Jajahan Kecil Jeli,
KELANTAN.

SALINAN KEPADA :

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,
Kelantan,
KOTA BHARU. (UP: Bahagian Perkhidmatan 3 salinan).

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri,
Kelantan,
KOTA BHARU.

YB. Tua Penasihat Undang-Undang Negeri,
Kelantan,
KOTA BHARU.

YBrs. Setiausaha Sulit Dato' Menteri Besar,
Kelantan,
KOTA BHARU.

Pengarah Jabatan Ukur, Kelantan, **KOTA BHARU.**

[P.T.G. (KN.) BIL. 15960 DU /(7)]